



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Anggota LGM
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/BPS/UPSM/A/0047
Tarikh : 17 Mei 2013

KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BIL 18 TAHUN 2013 MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM AKTIVITI POLITIK

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kenyataan ini bertujuan untuk memberi peringatan mengenai pegawai-pegawai awam yang mengambil bahagian dalam aktiviti politik.

3 Mengikut peraturan yang ditetapkan di dalam Akta Badan-Badan berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) menyatakan bahawa:

- (i) Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau Kumpulan Pengurusan dan Profesional tidak boleh mengambil bahagian aktif dalam aktiviti politik.
- (ii) Pegawai dalam Kumpulan Sokongan boleh mengambil bahagian di dalam aktiviti politik. Walau bagaimanapun, pegawai hendaklah terlebih dahulu memaklumkan secara bertulis kepada pihak Unit Pengurusan Sumber Manusia (UPSM) untuk pertimbangan dan kelulusan pihak Pengurusan Tertinggi LGM. Ini bagi mengelakkan daripada dikenakan tindakan Tatatertib di bawah Akta Badan-Badan berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)

4. Arahan ini wajib dipatuhi oleh semua anggota LGM.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF"

(SHAHRIR BIN MOHD SALLEH)
Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia

s.k.

YBhg. Datuk Ketua Pengarah, LGM
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)
Pengarah-Pengarah Bahagian